(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Peringatan:
Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah bergunajuga untuk panduan pembaca-pembaca.

Bahasa Menunjukkan Bangsa

Aḥmad bin Ḥāji ‘Umar, Johor Baharu bertanya: Bagaimana pengertian yang betul tentang cogan yang selalu disebut orang iaitu “Bahasa menunjukkan bangsa?”

Jawab: “Bahasa menunjukkan bangsa” sudah terang maksudnya budi pekerti. Seseorang yang baik budi bahasanya maka itu menunjukkan baik bangsanya.

Peribahasa yang bermaksud seperti yang disebutkan itu banyak didapati dalam bahasa Melayu. Di antaranya:

“Usul menunjukkan asal”.

“Sebab buah kekenalan pohonnya”.

“Tembaga menunjukkan senam, besi menunjukkan karat, keris menunjukkan pamor, manikam menunjukkan cahayanya.” (Lihat kitab “Tikaman Bahasa” himpunan A. Muhammad ‘Adnān bin Muḥammad ‘Ārifīn, dan lain-lain kitab peribahasa).

“*Al-Nās ma‘ādan . . . .*” (Manusia itu adalah ibarat logam). Ada yang bermutu emas dan ada pula yang bermutu tembaga. Demikian maksud sebuah hadis Rasulullah (SAW).

Di dalam agama Islam, soal memilih isteri yang berbangsa baik dan berakhlak mulia supaya dapat mengeluarkan zuriat yang baik lagi berbudi memang disuruh dan banyak hadis-hadis Nabi yang menjadi panduan dalam perkara ini.

Menurut penyelidikan ilmu pengetahuan zaman sekarang bahawa benih manusia yang terjadi daripada ibu bapa berpenyakit atau yang buruk perangainya akan menurunkan zuriat yang serupa – bapa borek anak rintik.

Boilman – seorang penyelidik berkenaan baka keturunan manusia telah menulis berkenaan satu keluarga yang berpunca dari seorang ibu yang terkenal berperangai buruk lagi peminum arak. Si ibu itu telah melahirkan dua anak perempuan, dan zuriat anaknya yang berdua itu pula telah biak sehingga enam keturunan berjumlah 834 orang, 709 orang di antaranya telah dicatat oleh sejarah akan hal mereka seperti di bawah ini:

107 orang anak zina

64 “ dipelihara dalam rumah membaiki akhlak.

162 “ perempuan lacur.

17 “ dayus (dayus).

76 “ dijatuhkan hukuman bunuh di penjara.

Dan yang bakinya terkenal sebagai pencuri dan pembunuh.

Suatu contoh lagi mengenai benih seorang perempuan yang lemah akalnya atau setengah gila. Contoh ini telah disebut oleh Doktor “Henry Godard” dari hal satu keluarga yang berpunca dari seorang lelaki Inggeris yang terkenal berbangsa baik telah beristerikan seorang gadis yang lemah akal lagi tongong. Perempuan itu telah melahirkan seorang anak lelaki yang tongong. Si anak ini setelah besar telah beristerikan seorang perempuan yang tidak ada cacat celanya lalu melahirkan tujuh orang anak, lima di antaranya lemah otak mereka. Keluarga ini telah

diselidiki halnya lalu didapati telah kembang menjadi 480 orang, di antaranya:

36 orang berpenyakit gila.

24 " tahi arak.

3 " berpenyakit gila babi.

82 " mati dalam masa kecil.

3 " penjahat.

8 " membuka tempat pelacuran.

143 " lemah akal mereka.

Daripada jumlah yang tersebut hanya 46 orang sahaja yang berperangai baik, manakala yang bakinya tidak diketahui hal mereka.

Semuanya ini adalah disebabkan seorang perempuan yang lemah akalnya lagi tongong, dan dalam contoh yang pertama tadi seorang perempuan yang jahat perangainya lagi peminum arak. Lihat bagaimana kesan benihnya kepada keturunannya yang malang itu.

Dengan huraian ini jelaslah bagaimana tepat ajaran Rasulullah (SAW) yang menyuruh memilih isteri yang berakhlak mulia lagi berbangsa baik kerana menjaga keselamatan zuriat. Dan dengan ini pula tepatlah bidalan Melayu yang berkata:

"Bahasa menunjukkan bangsa"!

"Sebab buah kekenalan pohonnya"!

Dewan Perkembangan Bahasa Indonesia di Malaya

Masak di Indonesia – hidang di Malaya

Disebabkan di Malaya bahan-bahannya terlalu kurang, maka terpaksalah dibawa masuk buku-buku yang telah siap dimasak di Indonesia dan dihidangkan di Malaya, dengan cara ini Malaya cepat menerima perkembangan bahasa Indonesia – dewan yang tersebut di atas akan berkhidmat berusaha membawa masuk buku-buku dari Indonesia dengan cara besar-besaran ke Malaya.

"Bali Pustaka" penerbit dan toko buku yang terbesar di Jakarta telah melantik kita menjadi "pusat penjual" bagi Malaya.

Kepada pencinta-pencinta bahasa Indonesia di Malaya adalah diharap supaya berhubung dengan dewan yang tersebut di atas supaya dikirim daftar buku-buku Indonesia (daftar buku-buku sedang diusahakan bila siap akan dikirim).

Dewan Perkembangan Bahasa Indonesia di Malaya:

(YAHYA ARIFF)

37, Jalan Kangsar, Kuala Kangsar

Telefon 161 Pengurus umum.